

Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Pelajar Diploma Perakaunan dalam Subjek Perakaunan

Nur Syazwani Mohammad Fadzillah^{1,a} and Anis Barieyah Mat Bahari^{1,b}

¹*Faculty of Accountancy, Universiti Teknologi MARA Pahang, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia*

^ansyazwani@pahang.uitm.edu.my; ^banisbarieyah@pahang.uitm.edu.my

Abstract: Mempelajari subjek perakaunan memerlukan pelajar memahami teknik atau pendekatan pembelajaran yang baik agar pemahaman dapat diserap pelajar secara berkesan. Namun, pemahaman yang berkesan terhadap pembelajaran subjek perakaunan dipengaruhi beberapa faktor yang akan mempengaruhi prestasi pencapaian pelajar di dalam subjek perakaunan tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar dalam subjek perakaunan di peringkat diploma. Faktor utama yang diambilkira adalah pendedahan awal dalam subjek prinsip akaun dan perdagangan. Manakala faktor-fakor lain adalah jantina, minat, desakan ibubapa dan jenis sekolah terdahulu. Sampel yang digunakan di dalam kajian ini adalah pelajar daripada fakulti perakaunan di Universiti Teknologi Mara, Pahang Kampus Jengka. Borang soal selidik diagihkan kepada pelajar untuk memperolehi data. Prestasi pelajar pula diukur berdasarkan markah yang diperolehi oleh mereka dalam ujian setara bagi subjek "Financial Accounting 1" (FAR110). Data dianalisis menggunakan pakej SPSS untuk menguji hipotesis bagi menentukan hubungan antara faktor-faktor dengan prestasi pelajar. Dapatkan kajian menunjukkan faktor pendedahan awal dan desakan ibubapa mempengaruhi prestasi pelajar diploma perakaunan dalam subjek perakaunan. Diharapkan dapatkan kajian ini dapat membantu perjalanan pengajaran dan pembelajaran subjek perakaunan dengan lebih berkesan.

Keywords: Pendedahan awal, Desakan ibubapa, Perakaunan, Prestasi, Subjek perakaunan

1. Pengenalan

Prestasi pelajar dalam bidang akademik sememangnya menjadi fokus utama dalam sesebuah institusi pendidikan di semua peringkat rendah atau tinggi. Oleh itu banyak kajian telah dilakukan berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi prestasi para pelajar tidak kira samada dari sudut universiti, tenaga pengajar dan pelajar itu sendiri. Hasil kajian yang ditemui boleh dijadikan satu sumber untuk menambaik polisi sedia ada seperti syarat kemasukan pelajar ke institut pengajian tinggi, struktur pengajian dan cara pengajaran di dalam kelas.

Berkaitan dengan syarat kemasukan ke Universiti Teknologi MARA (UiTM), syarat khas program yang dikenakan adalah berbeza bergantung kepada program tertentu. Untuk program diploma perakaunan secara khususnya, pelajar lepasan SPM perlu memenuhi syarat am university dengan mendapat Gred B dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik/Matematik Tambahan sekurang-kurangnya gred C+. Tiada syarat yang menyatakan bahawa mereka perlu memiliki kelulusan dalam subjek Prinsip Perakaunan, Ekonomi Asas atau Perdagangan. Ini bermaksud, semua calon sama ada yang mempunyai asas perakaunan atau tidak, berpeluang untuk mengikuti program diploma perakaunan.

Mempelajari subjek perakaunan memerlukan pelajar memahami teknik atau pendekatan pembelajaran yang baik agar pemahaman dapat diserap pelajar secara berkesan. Namun, pemahaman yang berkesan terhadap pembelajaran subjek perakaunan dipengaruhi beberapa faktor yang akan mempengaruhi prestasi pencapaian pelajar di dalam subjek perakaunan tersebut. Sesetengah pelajar mempunyai prestasi yang baik dalam subjek perakaunan walaupun tidak mempunyai pengetahuan asas atau tiada pendedahan awal dalam bidang perakaunan. Walau bagaimanapun, masih ada segelintir pelajar yang mengalami kesulitan untuk memahami subjek ini.

Banyak kajian yang lepas dijalankan untuk mencari faktor yang mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Faktor-faktor yang dikaji boleh dikategorikan kepada dua iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Contoh faktor luaran adalah seperti galakan ibu bapa, cara pengajaran tenaga pengajar dan persekitaran. Manakala contoh faktor dalaman adalah seperti pendedahan awal dalam bidang berkaitan, sikap pelajar, motivasi dan usaha. Walaupun banyak kajian telah dilakukan khususnya dalam bidang perakaunan, namun kebanyakannya dijalankan di negara barat dimana sistem pendidikan dan budayanya agak berbeza dengan sistem dan kaedah pendidikan di Malaysia. Kajian yang dilakukan di Malaysia pula masih terhad memandangkan kajian terhadap prestasi pelajar telah dilakukan diperingkat matrikulasi. Terdapat juga kajian dilakukan di peringkat pengajian tinggi namun kajian tersebut dijalankan terhadap pelajar bukan daripada program perakaunan tetapi mengambil subjek perakaunan.

Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar diploma perakaunan dalam subjek perakaunan memandangkan masih terdapat pelajar yang gagal walaupun baru di semester satu. Faktor utama yang dilihat adalah pendedahan awal dalam bidang perakaunan di peringkat sekolah. Faktor-faktor lain yang dikaji termasuklah jantina, minat, galakan atau desakan ibubapa dan juga sekolah terdahulu. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu semua pihak seperti pelajar, pensyarah dan pentadbir program bagi mengenalpasti punca masalah seterusnya dapat mengambil langkah-langkah penambahbaikan seperti menetapkan polisi pengambilan pelajar dan syarat yang bersesuaian untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam subjek perakaunan.

2. Kajian Literatur

Terdapat banyak kajian telah dijalankan bagi mengkaji pelbagai isu berkaitan dengan pendidikan dalam bidang perakaunan. Antara aspek yang paling meluas dan menjadi fokus para pengkaji adalah faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar dalam subjek perakaunan. Pelbagai faktor telah dikaji dan setiap kajian memberi hasil yang berbeza antara satu sama lain. Kajian ini mengkaji kedua-dua faktor dalaman dan juga luaran yang mempengaruhi prestasi pelajar dalam subjek perakaunan.

Prestasi akademik dan pendedahan awal

Hasil kajian terdahulu menunjukkan keputusan yang tidak konsisten antara kesan pendedahan awal dalam bidang tertentu dengan prestasi pelajar dalam bidang yang sama. Eskew dan Faley (1988) and Muda et al. (2012) menunjukkan pendedahan awal dalam bidang perakaunan dapat memberikan pencapaian yang lebih baik di peringkat pengajian tinggi. Begitu juga dengan kajian oleh Ishak et al. (2008) yang mendapatkan pendedahan awal dalam subjek perakaunan menunjukkan hubungan yang signifikan dengan prestasi pelajar tetapi berhubungan secara negatif. Manakala, Papageorgiou dan Halabi (2014) mendapatkan pendedahan awal dalam bidang perakaunan hanya mempengaruhi pencapaian pelajar dalam subjek perakaunan di peringkat awal tetapi hubungan antara kedua-duanya tidak signifikan untuk subjek perakaunan di peringkat yang lebih tinggi. Seterusnya, hasil kajian oleh Prochazka (2016) menunjukkan tiada kaitan langsung antara pendedahan awal dengan prestasi pelajar. Memandangkan hasil kajian yang didapati daripada kajian lepas tidak konsisten antara pendedahan awal dan prestasi akademik, hipotesis berikut dihasilkan:

H1: Terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi akademik pelajar yang mendapat pendedahan awal dan pelajar yang tidak mendapat pendedahan awal.

Prestasi akademik dan jantina

Banyak kajian yang dijalankan sebelum ini mengkaji hubungan antara jantina dan prestasi pelajar. Walau bagaimanapun, hasil kajian yang diperolehi terhadap prestasi pelajar lelaki dan perempuan tidak konsisten antara satu sama lain. Garkaz et al. (2011) mengkaji prestasi pelajar lelaki dan perempuan dalam subjek perakaunan di institut pengajian tinggi dan mendapatkan terdapat hubungan yang signifikan antara prestasi pelajar dan jantina. Hasil kajian juga menunjukkan pelajar wanita mempunyai prestasi yang lebih baik berbanding pelajar lelaki. Muda et al. (2012) and Koh dan Koh (1999) turut membuktikan hubungan yang signifikan antara prestasi pelajar dan jantina. Namun, dalam kajiannya, pelajar lelaki mempunyai prestasi yang lebih baik. Sebaliknya, Ismail dan Kasim (2011), Papageorgiou dan Halabi (2014), Kukreja dan Habib (2013) dan Prochazka (2016) membuktikan tiada kaitan antara jantina dan prestasi pelajar. Memandangkan hasil kajian yang didapati daripada kajian lepas tidak konsisten antara jantina dan prestasi akademik, hipotesis berikut dihasilkan:

H2: Terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi akademik pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Prestasi akademik dan minat

Menurut kajian lepas, pelajar yang berminat dalam bidang perakaunan beroleh prestasi yang lebih baik jika dibandingkan dengan pelajar yang tidak berminat. Hasil ini dibuktikan dalam kajian yang dijalankan oleh Garkaz et al. (2011), Singh et al. (2002) dan Wijewardena dan Rudkin (1999). Dengan itu, hipotesis berikut dihasilkan:

H3: Terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi akademik pelajar yang meminati bidang perakaunan dan pelajar yang tidak meminati bidang perakaunan.

Prestasi akademik dan pengaruh ibu bapa

Tidak dapat dinafikan sesetengah pelajar yang mengambil kursus perakaunan adalah atas desakan atau pengaruh ibu bapa. Ini disebabkan oleh tanggapan ibu bapa bahawa bidang perakaunan adalah meluas berbanding bidang lain dan banyak peluang pekerjaan dapat diceburi apabila anak mereka tamat belajar. Walau bagaimanapun, Garkaz et al. (2011) dan Jemali, (1988) mendapatkan peranan dan pengaruh ibubapa tidak sesekali mempengaruhi prestasi pelajar. Oleh itu, hipotesis berikut dihasilkan:

H4: Terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi akademik pelajar yang dipengaruhi ibubapa dan pelajar yang dipengaruhi ibubapa.

Prestasi akademik dan sekolah terdahulu

Kajian ini mengambil kira faktor jenis sekolah menengah sama ada sekolah berasrama penuh atau tidak sebagai penentu prestasi pelajar. Ini kerana kajian ke atas hubungan antara kedua-duanya adalah sangat terhad sebelum ini. Birch dan Miller (2007) mendapatkan jenis sekolah menengah terdahulu mempengaruhi prestasi pelajar di peringkat pengajian tinggi. Oleh itu, hipotesis berikut dihasilkan:

H5: Terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi akademik pelajar yang bersekolah di sekolah asrama penuh dan pelajar yang bersekolah di sekolah bukan berasrama penuh.

3. Metodologi

Untuk menjalankan kajian ini, data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik dibina berdasarkan kajian yang terdahulu dengan sedikit perubahan bersesuaian dengan tujuan kajian ini. Borang soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi soalan untuk mendapatkan maklumat demografik responden manakala bahagian B mengandungi soalan berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar. Manakala, markah ujian setara mereka dalam subjek Financial Accounting 1 (FAR110) digunakan untuk mengukur prestasi akademik pelajar. Skor markah untuk prestasi akademik berada dalam julat 0 -100. Semakin tinggi markah, semakin tinggi prestasi akademik mereka dalam subjek perakaunan.

Sampel yang dipilih terdiri daripada pelajar diploma perakaunan bahagian satu di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pahang. Jumlah pelajar diploma perakaunan bahagian satu di UiTM Pahang adalah seramai 241 orang. Jumlah respon yang diterima untuk kajian ini ialah 85 orang iaitu mewakili 35% daripada keseluruhan pelajar.

Untuk tujuan analisis data secara kuantitatif, perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 24.0 digunakan. Antara teknik statistik yang digunakan untuk mengkaji hubungan antara prestasi akademik dan faktor-faktor yang mempengaruhinya termasuklah “Descriptive Statistic” dan “T-test”.

4. Hasil kajian dan Perbincangan

Profil Pelajar

Berdasarkan Jadual 1, daripada jumlah sampel pelajar bahagian 1 diploma perakaunan iaitu seramai 85 orang, 54 orang bersamaan dengan 63.5% mempunyai pendedahan awal dalam bidang perakaunan. Ini bermaksud, mereka pernah mengambil subjek prinsip perakaunan ketika di sekolah menengah. Manakala selebihnya iaitu seramai 31 orang (36.5%) tidak pernah mempelajari subjek perakaunan sebelum ini. Seterusnya, majoriti pelajar-pelajar ini

terdiri daripada pelajar perempuan dengan bilangan seramai 72 orang iaitu 84.7%. Pelajar lelaki hanyalah 15.3% daripada jumpah sampel iaitu 13 orang. Dari segi minat dalam bidang perakaunan, 96.5% (82 orang) daripada mereka memang meminati bidang perakaunan. Bakinya iaitu sebanyak 3.5% (3 orang) tidak meminati bidang perakaunan ini. Persoalan sama ada pelajar-pelajar ini mengikuti program diploma perakaunan atas pilihan sendiri atau desakan ibubapa turut diambil kira. 7 orang mengaku bahawa mereka didesak oleh ibubapa untuk mengikuti program diploma perakaunan, namun peratusannya amat rendah iaitu 8.2%. Kebanyakan daripada mereka memilih untuk mengikuti program diploma perakaunan atas pilihan sendiri dengan peratusan sebanyak 91.8% (78 orang). Disamping itu, dari aspek jenis sekolah menengah terdahulu pula, majoriti daripada pelajar ini bersekolah di sekolah bukan berasrama penuh dengan peratusan sebanyak 84.7% bersamaan dengan 72 orang. Hanya segelintir daripada mereka pernah bersekolah di sekolah berasrama penuh iaitu seramai 13 orang (15.3%).

Jadual 1 Statistik pelajar berdasarkan pembolehubah

Pembolehubah	Bilangan Pelajar	Peratusan (%)
Pendedahan awal:		
Ya	54	63.5
Tidak	31	36.5
Jantina:		
Lelaki	13	15.3
Perempuan	72	84.7
Minat dalam perakaunan:		
Berminat	82	96.5
Tidak berminat	3	3.5
Desakan ibubapa:		
Didesak	7	8.2
Tidak didesak	78	91.8
Sekolah terdahulu:		
Asrama penuh	13	15.3
Bukan Asrama penuh	72	84.7

N = 85

Hubungan antara prestasi akademik pelajar dan faktor yang mempengaruhinya.

Perbandingan prestasi akademik pelajar berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhinya dapat dilihat dalam Jadual 2. Ujian t (two-tailed) dengan nilai α 0.05 telah digunakan untuk melihat perbandingan tersebut. Aspek pertama yang dilihat adalah perbandingan antara markah pelajar yang mendapat pendedahan awal dengan mereka yang tidak mendapat pendedahan awal dalam bidang perakaunan. Secara purata, markah pelajar yang mendapat pendedahan awal adalah 16.43 lebih tinggi daripada pelajar yang tidak mendapat pendedahan awal. Selain daripada itu, ujian ini mendapati bahawa perbezaan markah ini adalah secara statistiknya signifikan, dengan nilai $t(83)=3.653$, $p<0.01$. Oleh yang demikian hipotesis satu (H1) diterima. Hasil kajian ini konsisten dengan hasil kajian yang dilaporkan oleh Eskew dan Faley (1988) and Muda et al. (2012). Seterusnya adalah perbandingan antara markah pelajar lelaki dan perempuan. Berdasarkan keputusan analisis yang diperolehi, markah pelajar perempuan adalah sedikit lebih tinggi berbanding markah pelajar lelaki, namun perbezaan tersebut secara statistiknya tidak signifikan, sama seperti hasil kajian oleh Ismail dan Kasim (2011), Papageorgiou dan Halabi (2014), Kukreja dan Habib (2013) and Prochazka (2016). Begitu juga dengan faktor minat pelajar dalam bidang perakaunan. Walaupun markah pelajar yang berminat dalam bidang perakaunan lebih tinggi jika dibandingkan dengan pelajar yang tidak berminat, tetapi hasil analisis ini secara statistiknya tidak signifikan dan bertentangan dengan hasil kajian oleh Garkaz et al. (2011), Singh et al. (2002) dan Wijewardena and Rudkin (1999). Oleh itu, hipotesis dua (H2) dan hipotesis tiga (H3) terpaksa ditolak.

Selain itu, faktor pengaruh ibubapa ataupun desakan ibubapa terhadap pelajar dalam penglibatan dalam program diploma perakaunan turut dikaji. Hasilnya, pelajar yang tidak didesak oleh ibubapa memperolehi markah 24.54 jauh lebih tinggi berbanding pelajar yang didesak oleh ibubapa mereka. Ujian ini mendapat bahawa perbezaan markah ini adalah secara statistiknya signifikan, dengan nilai $t(83)=-3.049$, $p<0.01$. Oleh yang demikian hipotesis empat (H4) diterima. Hasil kajian ini tidak konsisten dengan hasil yang dilaporkan oleh Garkaz et al. (2011) dan Jemali (1988). Faktor jenis sekolah menengah terdahulu juga diambilkira dalam kajian ini. Hasil analisis yang diperolehi agak mengejutkan memandangkan pelajar yang bersekolah di sekolah bukan berasrama penuh mendapat markah yang lebih tinggi berbanding pelajar yang pernah bersekolah di asrama penuh. Namun demikian, perbezaan markah antara mereka secara statistiknya tidak signifikan. Hasil kajian ini malah bertentangan dengan Birch dan Miller (2007). Oleh itu, hipotesis lima (H5) terpaksa ditolak.

Jadual 2 Perbandingan prestasi akademik pelajar

	Mean	Sisihan piawai	Nilai t	Nilai df	Signifikan
Pendedahan awal:					
Ya	74.37	19.056			
Tidak	57.94	21.477	3.653	83	0.000*
Jantina:					
Lelaki	65.46	24.065			
Perempuan	68.90	21.004	-0.532	83	0.596
Minat dalam perakaunan:					
Berminat	69.05	21.363			
Tidak berminat	50.00	13.892	1.528	83	0.130
Desakan ibubapa:					
Didesak	45.86	23.878			
Tidak didesak	70.40	20.102	-3.049	83	0.003*
Sekolah terdahulu:					
Asrama penuh	60.23	21.060			
Bukan Asrama penuh	69.85	21.251	-1.504	83	0.136

* Significant at the 0.01 level

5. Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar diploma perakaunan dalam subjek perakaunan. Antara faktor-faktornya adalah pendedahan awal, jantina, minat, desakan ibubapa dan jenis sekolah menengah terdahulu. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi akademik pelajar yang mendapat pendedahan awal dalam bidang perakaunan dan yang tidak mendapat pendedahan awal. Disamping itu, terdapat juga perbezaan yang signifikan antara prestasi akademik pelajar yang didesak ibubapa dan yang tidak didesak ibubapa. Ini bermaksud, faktor pendedahan awal dan desakan ibubapa mempengaruhi prestasi pelajar diploma perakaunan dalam subjek perakaunan. Sebaliknya, faktor jantina, minat, dan jenis sekolah menengah terdahulu tidak mempengaruhi prestasi pelajar diploma perakaunan dalam subjek perakaunan memandangkan hasil yang diperolehi tidak signifikan. Diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi input kepada pihak yang berkenaan dalam menentukan syarat kelayakan/kemasukan bagi program diploma perakaunan. Bukan itu sahaja, ibubapa juga diharapkan dapat memainkan peranan yang sepatutnya dalam menentukan halatuju masa depan anak masing-masing.

6. Rujukan

- Birch ER, Miller PW (2007) The influence of type of high school attended on university performance. *Australian Economic Papers*, 46(1): 1-17
- Eskew RK, Faley RH (1988) Some determinants of student performance in the first college-level financial accounting course. *The Accounting Review*, 63(1): 137-147
- Garkaz M, Banimahd B, Esmaeili H (2011) Factors affecting accounting students' performance: The case of students at the Islamic Azad University. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 29: 122 -128
- Ishak Z, Manaf NAA, Zin RM (2008) Faktor penentu prestasi pelajar matrikulasi dalam subjek perakaunan. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 5: 99-115
- Ismail S, Kasim M (2011) Accounting for non-accounting students: What affects their performance? *Journal of Technical Education and Training*, 3(2): 19-31
- Jemali I (1988) Exposure, attitudes, motivation and achievement in ESL among Malay learners: A Socio-Psycholinguistic Study. The British Library, West Yorkshire.
- Koh MY, Koh HC (1999) The determinants of performance in an accountancy degree program. *Accounting Education*, 8(1): 13-29
- Kukreja G, Habib M (2013) The determinants of students' performance in introductory accounting courses: Evidence from Kingdom of Bahrain. *Journal of Emerging Issues in Economics, Finance and Banking*, 1(3): 183-201
- Muda S, Hussin AH, Johari H, Sapari JM, Jamil N (2013) The key contributing factors of non-accounting students' failure in the introduction to financial accounting course. *Procedia –Social and Behavioral Sciences*, 90: 712 – 719
- Papageorgiou K, Halabi AK (2014) Factors contributing toward student performance in a distance education accounting degree. *Meditari Accountancy Research*, 22(2): 211-223
- Procházka D (2016) The determinants of students' success in the Introduction to Accounting Course at the university level. *The Turkish Online Journal of Educational Technology*, Special issue: 777-784
- Singh K, Granville M, Dika S (2002) Mathematics and science achievement: Effects of motivation, interest, and academic engagement. *The Journal of Educational Research*, 95(6): 323-332
- Wijewardena H, Rudkin K (1999) An empirical investigation of some factors affecting student performance in introductory accounting. *The International Journal of Accounting and Business Society*, 7(1): 39-53